

Ridzuan kini ikon sukan Felda

KOSMO
5/10/16
mls 59

PEMENANG pingat emas Sukan Paralimpik Rio de Janeiro, Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi semalam dilantik sebagai ikon sukan Felda di atas kejayaannya melakar sejarah sebagai pemenang pingat emas pertama negara pada temasya sukan itu bulan lepas.

Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad berkata, melalui pelantikan itu, Ridzuan akan diperkenalkan kepada masyarakat di wilayah-wilayah Felda sebagai inspirasi untuk meningkatkan semangat kesukanan, terutamanya sempena Bulan Sukan Felda yang berlangsung ketika ini.

"Kami sangat berbangga bahawa ada kalangan generasi baharu Felda yang boleh mencapai kejayaan untuk negara di peringkat antarabangsa. Beliau merupakan cucu kepada peneroka Felda (Aminah Hassan) di Kampung Sertik, Wilayah Mempaga dan anak pemandu kenderaan (Mohamad Puzi Mat Isa) di Wilayah

Alor Setar.

"Buat masa ini kami menyampaikan sumbangan bernilai RM50,000 dahulu. Kami akan bincang dengan Majlis Sukan Negara dan jurulatihnya untuk lihat bagaimana kami boleh membantunya supaya beliau dapat memenangi lebih banyak pingat di samping cipta rekod untuk negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis meraikan kejayaan Ridzuan yang dihadiri kira-kira 600 kakitangan Felda di Menara Felda, Kuala Lumpur semalam.

Ridzuan menjadi atlet pertama negara memenangi pingat emas di pentas Paralimpik dengan melakukan pecutan bersejarah dengan catatan masa 12.07 saat (s) dalam acara 100m T36 (*celebral palsy*) pada 10 September lalu.

Atlet kelahiran Perlis berusia 29 tahun itu berkata, berikutan pelantikan sebagai Ikon Sukan Felda, dia bertekad untuk me-



MOHD. ISA (empat dari kiri) bersama pengurusan Felda, ibu bapa serta Ridzuan (dua dari kanan) pada majlis meraikan kejayaan atlet Paralimpik di Menara Felda, Kuala Lumpur semalam.

tingkatkan usahanya bagi mencapai lebih banyak kejayaan buat negara pada masa akan datang.

Sementara itu, ketua jurulatih olahraga Paralimpik negara, R. Jeganathan berkata, pihaknya masih dalam perancangan me-

ngenai latihan di luar negara bagi Ridzuan dan atlet-atlet paralimpik lain.

"Kami masih fokus latihan dalam negara. Latihan luar negara hanya sebagai sampingan untuk membiasakan diri dengan

cuaca, medan percubaan yang ada pertandingan dan saingan daripada peserta lain bagi mereka untuk terus meningkatkan prestasi," katanya.

Menurut Jeganathan, dalam misi mempertahankan pingat emas Kejohanan Olahraga Dunia IPC di London pada Julai dan Sukan Para ASEAN di Kuala Lumpur September tahun depan, Ridzuan akan mengharungi beberapa kejohanan di luar negara bermula awal tahun depan.

Antaranya ialah Kejohanan Para Asia Barat yang pertama di Emiriah Arab Bersatu (UAE) bermula 18 hingga 24 Februari, diikuti Grand Prix IPC di Itali dan China pada April serta Jerman pada Jun tahun depan.

"Tahun 2017 agak penting untuk kekalkan posisi dia sebagai juara dunia yang membuktikan bahawa rakyat Malaysia boleh menjadi juara dunia. Sasarannya adalah untuk membaiki catatan peribadinya dari 12.01s ke 11.9 atau 11.8s," ujarnya. - Bernama